



31 Julai 2014
31 July 2014
P.U. (A) 224

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PENYURAIAIN TIMUR (EDL)) 2014

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (EASTERN DISPERSAL LINK EXPRESSWAY (EDL)) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA PENYURAIA TIMUR (EDL)) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL)) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2014.

Pemberikuasaan untuk memungut tol

2. (1) MRCB Lingkaran Selatan Sdn. Bhd. atau ejennya diberi kuasa bagi tempoh mulai 1 Ogos 2014 sehingga 25 Februari 2042 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkenaan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi penggunaan ke mana-mana arah mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL) yang bermula—

(a) dari kilometer 7.87 di koordinat U 168492.927, T 640617.968 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM2000) dan berakhir di koordinat U 161918.328, T 640983.311 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) termasuklah Persimpangan Bertingkat Pandan, Persimpangan Bertingkat Bakar Batu, Persimpangan Bertingkat CIQ, Pusat Pungutan Tol Masuk dan Keluar dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 8.62 kilometer;

(b) dari koordinat U 162060.992, T 641536.480 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Persimpangan Bertingkat CIQ dan berakhir di

koordinat U 162096.730, T 641326.793 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, iaitu suatu jarak sepanjang 0.3 kilometer; dan

- (c) dari koordinat U 162542.628, T 641252.460 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Persimpangan Bertingkat CIQ dan berakhir di koordinat U 162096.730, T 641326.793 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar, iaitu suatu jarak sepanjang 0.4 kilometer,

oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pembayaran tol

3. (1) Tol yang disebut dalam subperenggan 2(1) hendaklah kena dibayar oleh pemandu kenderaan sebelum memasuki—

- (a) Pusat Pungutan Tol-Keluar yang terletak di koordinat U 161943.124, T 641113.234 Grid RSO Geosentrik (GDM2000); atau
- (b) Pusat Pungutan Tol-Masuk yang terletak di koordinat U 162092.213, T 641096.322 Grid RSO Geosentrik (GDM2000),

dalam Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) yang dikenali sebagai Bangunan Sultan Iskandar.

(2) Seseorang pemandu kenderaan yang menggunakan kad atau peranti elektronik hendaklah melalui lorong tol yang mempunyai suatu mesin pembaca kad atau peranti elektronik, menghampiri mesin pembaca itu dan menyentuhkan kad atau peranti elektronik pada mesin pembaca itu, dan tol yang kena dibayar hendaklah ditolak daripada kad atau peranti elektronik tersebut.

(3) "Kad atau peranti elektronik" yang disebut dalam perenggan ini erti—

- (a) sesuatu kad atau peranti elektronik yang dibenarkan oleh Menteri, yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran tol; dan
- (b) berhubung dengan sesuatu kad atau peranti elektronik, suatu kad atau peranti elektronik yang boleh dibaca oleh mesin pembaca yang dipasang di lorong tol.

Pengecualian daripada pembayaran tol

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

JADUAL PERTAMA

[Subperenggan 2(1)]

KADAR TOL

<i>(1)</i> <i>Kelas kenderaan</i>	<i>(2)</i> <i>Tol kena dibayar</i> <i>(RM)</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk teksi dan bas)	6.80
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)	10.20
3. Kenderaan yang mempunyai tiga atau lebih gandar (tidak termasuk bas)	13.60
4. Teksi	3.40
5. Bas	5.50

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.